



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 579 /(1)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

19 Ogos 2022
21 Muharam 1444H

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERIAN SUBSIDI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA KEPADA
JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) sentiasa menggalakkan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) untuk meningkatkan keupayaan dan produktiviti JTB selaras dengan perkembangan teknologi ukur terkini.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-530 pada 13 Ogos 2022 telah membincangkan perkara tersebut dan meluluskan tawaran pemberian subsidi kepada JTB bagi tahun 2022 yang mana jumlah keseluruhan tuntutan adalah berdasarkan harga sebenar pembelian namun tertakluk kepada had maksimum sebanyak **RM25,000 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu Sahaja)**. Pemberian subsidi ini adalah merangkumi pembelian perkara-perkara berikut sahaja:

- i. Peralatan dan perisian ukur
- ii. Kelengkapan pejabat (komputer, mesin pencetak dan mesin pengimbas)

4. Justeru itu, bersama-sama ini disertakan syarat-syarat bagi permohonan pemberian subsidi tersebut sepertimana di **Lampiran A** untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.


5. Dalam hubungan ini, JTB yang menerima subsidi tidak dibenarkan untuk menjual atau melupuskan aset tersebut dalam tempoh **tiga (3) tahun**. Pihak LJT akan menjalankan kerja-kerja pengauditan dari masa ke semasa ke pejabat JTB bagi memastikan aset-aset berkenaan berada dalam simpanan dan kawalan JTB.

Sekian, terima kasih.

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SRI ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha dan Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Syarat-syarat permohonan :

1. Permohonan perlu disertakan dengan **RESIT ASAL PEMBELIAN** daripada pembekal.
2. **Hanya pembelian yang buat pada dan selepas tarikh surat tawaran** akan dipertimbangkan untuk bayaran subsidi ini.
3. Permohonan ini perlu menggunakan borang yang disediakan seperti di **Lampiran A1** dan **dikemukakan kepada LJT pada atau sebelum 15 Disember 2022.**
4. JTB tiada sebarang tunggakan hutang dengan LJT.
5. JTB tidak dikenakan tindakan tatatertib oleh Lembaga dalam tahun 2022.
6. Komitmen menghadiri program anjuran LJT dan JUPEM.

LAMPIRAN A1

**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN
PEMBERIAN SUBSIDI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA
KEPADA JURUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2022**

1. Butiran JTB

- 1.1 Nama :
- 1.2 Nama Firma :
- 1.3 Alamat Pejabat:

2. Butiran Pembelian :
*(sila sertakan **RESIT ASAL PEMBELIAN** sebagai bukti)*

Bil	Perkara	No. Siri (jika berkenaan)	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)

Bil	Perkara	No. Siri (Jika berkenaan)	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
JUMLAH TUNTUTAN :					

Ringgit Malaysia :

3. Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....
 (Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh :